

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

BAHASA MELAYU

1103/2(PP)

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Kerajaan Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 8 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1: Morfologi

Kata hubung

1. yang
2. untuk
3. dengan
4. dan
5. jika
6. tetapi

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 2: Sintaksis

- (i) - Merupakan elemen terpenting dalam kehidupan sehari-hari manusia bahasa.
- Dalam kehidupan sehari-hari manusia, bahasa merupakan elemen terpenting.
- Merupakan elemen terpenting bahasa dalam kehidupan sehari-hari manusia.
- (ii) - Membolehkan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu peranan bahasa Melayu.
- (iii) - Dapat membantu pelajar bersaing pada peringkat yang lebih tinggi kebolehan pelajar menguasai bahasa Melayu.
- Pada peringkat yang lebih tinggi, kebolehan pelajar menguasai bahasa Melayu dapat membantu pelajar bersaing.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan 1

- | | | |
|---------------|---|------------|
| i) penilai | - | penilaian |
| ii) atau | - | dan |
| iii) Beliau | - | Baginda |
| iv) ke | - | di |
| v) urusniaga | - | urus niaga |
| vi) pemberian | - | pengagihan |

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Petikan 2

- | | | |
|--------------------|---|---------------|
| i) bukan | - | tidak |
| ii) di dalam | - | dalam |
| iii) turun temurun | - | turun-temurun |
| iv) bila | - | apabila |
| v) mengurangi | - | mengurangkan |

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Kemudian titah baginda, "Bagaimanakah muslihat/ tipu/ helah Laksamana lalu/ sehingga dapat membunuh askar upahan itu?"

Lalu/ kemudian diceritakan segala peristiwa yang berlaku. Baginda pun berasa hairan dan terlalu/ sangat/ amat gembira/ sangat suacita. Lalu/ kemudian baginda pun memberikan anugerah kepada Laksamana. Lalu/ Kemudian sembah Laksamana, " Ya tuanku, baiklah titahkan rakyat/ penduduk untuk mengangkut/ mengambil semua harta itu."

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5: Peribahasa**i) malu mengayuh perahu hanyut**

- malu bertanya sesat jalan

ii) aur dengan tebing

- berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- bukit sama didaki, lurah sama dituruni

iii) lain padang lain belalang

- banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam
- lain dulang lain kakinya
- rambut sama hitam, hati lain-lain

[Maksimum: 4 markah]

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6 : Petikan Umum

- i) Berdasarkan **Bahan 2**, rangkai kata *mendapatkan ilmu* bermaksud
- memperoleh pengetahuan/pendidikan/pelajaran/kemahiran 2
 - mendapatkan pengetahuan/pendidikan /pelajaran/kemahiran 1
 - memperoleh ilmu 1
- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kelebihan pembelajaran secara digital kepada pelajar ialah:

Bahan 1

- dapat mengikuti proses pembelajaran secara fleksibel tanpa terikat dengan waktu pembelajaran konvensional 1
- dapat menggunakan e-buku yang boleh dimuat turun secara langsung 1
- dapat menjimatkan kos pembelian buku 1

Bahan 2

- mendapatkan ilmu tambahan daripada pelbagai sumber daripada Internet 1
- dapat meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan memperbaiki sebutan dengan betul 1

[Maksimum : 3 markah]**[Isi cukup : 2 isi]**

- iii) Pada pendapat saya, kesan buruk penggunaan Internet dalam kalangan pelajar ialah
- membazir banyak masa.
 - merosakkan akhlak pengguna.
 - hubungan kekeluargaan menjadi renggang
 - pendedahan kepada bahan-bahan pornografi
 - menjelaskan keharmonian dan perpaduan negara

[Maksimum : 4 markah]**[isi cukup : 3 isi]**

[Lihat halaman sebelah

iv) Sebagai seorang pelajar yang sering menggunakan Internet, langkah yang perlu diambil bagi memastikan penyebaran berita atau maklumat palsu ini dapat dibendung ialah :

- mengkaji kesahihan berita tersebut sebelum menyebarkannya.
- melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat individu yang menyebarkan fitnah.
- bertanya kepada orang yang lebih arif tentang berita tersebut.
- menghantar petisyen kepada kerajaan mengenai pelaksanaan hukuman kepada individu yang menyebarkan berita palsu.

[Maksimum : 4 markah]
[isi cukup : 3 isi]

Soalan 7 – Petikan Sastera

i) Maksud rangkai kata *telah ranap*;

- | | |
|------------------------------|---|
| • Sudah musnah/ rosak binasa | 2 |
| • Sudah ranap | 1 |
| • Telah musnah / rosak | 1 |

ii) Kesan-kesan

Bahan 1

- | | |
|------------------------------|---|
| • memusnahkan terumbu karang | 1 |
| • memusnahkan hidupan laut | 1 |

Bahan 2

- | | |
|-----------------------------------|---|
| • seisi alam akan merana | 1 |
| • hidupan liar kehilangan habitat | 1 |
| • kepupusan harimau di hutan | 1 |

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]

iii) Langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjaga alam sekitar;

- mendidik melalui kempen-kempen
- mananam pokok
- mengenakan denda dan hukuman penjara
- mengamalkan kitar semula
- menggunakan air secara berhemah
- menggunakan sumber tenaga yang diperbaharu
- menyertai aktiviti sukarela

[Maksimum : 3 markah]
[Lihat halaman sebelah

[Isi cukup : 2 isi)

iv) Sebagai seorang yang bertanggungjawab, tindakan saya dan kawan-kawan :

- mengambil gambar / merakam video sebagai bukti
- menasihati mereka agar membuang sampah di tempat yang disediakan
- menerangkan kepada mereka tentang kesan perbuatan mereka
- melaporkan kepada pihak kawasan rekreasi / pihak berkuasa

[Maksimum : 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi)****Soalan 8 : Novel**

i) Sebab-sebab Dahlia tidak hadir ke sekolah:

- Selasa dia tidak ke sekolah kerana adiknya sakit
- ditambah lagi dirinya lemah kerana meredah arus sungai untuk menyelamatkan Said
- dia semalam menghantar Anggerik ke klinik untuk kali kedua

[Maksimum : 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi)****PANDUAN PERMARKAHAN bagi soalan 8 (ii)**

ii) Jawapan Soalan Novel

- a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari
- b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul (peristiwa)
- d) Beri 1 markah bagi peristiwa/ huraian/contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi.
- e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/huraian/contoh)
- f) Markah Bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh;
 - i. Baik – 2 markah
 - ii. Lemah – 1 markah
- g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum :6 markah]**[Lihat halaman sebelah**

NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Peristiwa	Cabaran
Pak Saidi menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris walaupun mendapat kecaman dan hinaan daripada penduduk kampung	Cabaran dalam mendapatkan pendidikan terbaik untuk anak-anak
Adnan dan pasukannya kehabisan peluru semasa bertempur dengan tentera Jepun di Bukit Candu.	Cabaran terpaksa berhadapan dengan musuh dan hanya menggunakan kekuatan tanpa senjata sehingga titisan darah yang terakhir.
Adnan menyertai pertandingan Pidato Bahasa Inggeris walaupun tidak mahir berbahasa Inggeris.	Cabarannya Adnan terpaksa berlatih bersungguh-sungguh kerana baru pertama kali menyertai pertandingan tersebut.

(peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

NOVEL TIRANI

Peristiwa	Cabaran
Waheeda diceraikan oleh Zahid kerana cemburu buta.	Cabarannya, Waheeda mengharungi kehidupan sebagai ibu tunggal dalam membesarkan anaknya.
Waheeda menanggung risiko dalam memajukan perniagaan Tajau Emas	Cabarannya Waheeda berusaha sedaya upaya untuk mengembangkan perniagaannya walaupun menerima saingan daripada pengusaha hotel dan chalet yang lain.
Waheeda membuat pinjaman baharu daripada Tabung Usahawan dan Bank Pembangunan untuk membeli Chalet Iwana Iwani.	Cabaran Waheeda berani mengambil risiko dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

(peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

(a) Isi	=	20 markah
(b) Bahasa	=	10 markah

PENDAHULUAN [2 markah]

- membincangkan faedah/kebaikan/manfaat aktiviti kesukarelawanan kepada golongan belia **dan** langkah/usaha/cara menarik minat belia terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. 2
- membincangkan faedah/kebaikan/manfaat aktiviti kesukarelawanan kepada golongan belia 1
- membincangkan langkah/usaha/cara menarik minat belia terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan 1

ISI [16 markah]**FOKUS 1 : faedah/kebaikan/manfaat aktiviti kesukarelawanan kepada golongan belia****Bahan 1**

- membantu mengembangkan potensi yang ada dalam diri mereka 2
- mengakses jaringan peluang pekerjaan yang wujud di Malaysia 2
- meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri 2
- menimba ilmu dan kemahiran bekerja dalam sesebuah organisasi 2
- mendidik golongan belia menjadi warganegara yang prihatin terhadap keperluan masyarakat 2

Bahan 3

- memupuk nilai prihatin sesama manusia 2
- meningkatkan rasa syukur atas anugerah Tuhan 2

FOKUS 2 : langkah/usaha/cara menarik minat belia terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan**Bahan 1**

- Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan sukanan pelajaran tentang kesukarelawanan dalam kurikulum pelajaran 2
- Penubuhan Yayasan Sukarelawan Siswa 2

[Lihat halaman sebelah

Bahan 2 :

- | | |
|--|---|
| • mengadakan sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa | 2 |
| • Syarikat swasta mengadakan aktiviti sukarela melalui Tanggungjawab Sosial Korperat | 2 |
| • Media massa mempromosikan aktiviti sukarela | 2 |

Bahan 3 :

- | | |
|--------------------------------|---|
| • menerapkan semangat sukarela | 2 |
|--------------------------------|---|

KESIMPULAN [2 markah]

- | | |
|--|---|
| • Kesimpulannya, aktiviti kesukarelawanan harus dijayakan oleh semua pihak agar membentuk masyarakat yang suka membantu. | 2 |
| • Kesimpulannya, aktiviti kesukarelawanan harus dijayakan oleh semua pihak. | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah